

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN**  
**[KOTA KINABALU]**  
**TARIKH : -**

**SOALAN NO. 109**

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perbandingan antara Strategi Indo-Pacific dengan Inisiatif Belt and Road yang diamalkan oleh Amerika Syarikat dan China masing-masing :-

- (a) kebaikan dan keburukan kedua-kedua rancangan tersebut; dan
- (b) sama ada Malaysia akan menyertai Strategi Indo-Pacific.

## **JAWAPAN**

Tuan,

### **Belt and Road Initiative (BRI)**

1. **Belt and Road Initiative (BRI)** merupakan satu aspirasi yang diumumkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China (RRC) pada bulan September 2013 untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan hubungan serantau. BRI merangkumi dua komponen utama iaitu **Laluan Jaringan Ekonomi Laluan Sutera** (*Silk Road Economic Belt*) dan **Laluan Maritim Kurun Ke-21** (*21<sup>st</sup> Century Maritime Silk Road*).

2. Kerjasama BRI adalah berteraskan lima aspek seperti berikut:

- (i) Penyelarasan dasar (*policy coordination*);
- (ii) Memudahkan kesalinghubungan (*facilitates connectivity*);
- (iii) Perdagangan yang lancar (*unimpeded trade*);
- (iv) Integrasi kewangan (*financial integration*); dan
- (v) Hubungan sesama manusia (*people-to-people bond*).

3. Sehingga 30 April 2019, sebanyak **131 negara** (termasuk kesemua negara anggota ASEAN) dan **30 pertubuhan antarabangsa** telah menandatangani dokumen kerjasama dengan RRC dalam usaha membangunkan BRI.

### **Strategi Indo-Pasifik**

4. Pada November 2017, Donald J. Trump, Presiden Amerika Syarikat (AS) telah membentangkan visi AS bagi rantau **Indo-Pasifik yang bebas dan terbuka** (*free and open Indo-Pacific*) semasa Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di Da Nang, Viet Nam. Indo-Pasifik adalah meliputi kawasan di antara Pantai Barat AS dan Pantai Barat India, dengan tumpuan kepada ekonomi-ekonomi APEC dan ASEAN. Visi ini mengutamakan prinsip-prinsip seperti:

- (i) Menghormati kedaulatan kesemua negara;
- (ii) Meningkatkan kesalinghubungan (*connectivity*);

- (iii) Perdagangan bebas, adil dan setimpal (*reciprocal*);
- (iv) Persekitaran pelaburan yang terbuka; dan
- (v) Perjanjian antara negara yang telus.

5. Visi ini menyumbang kepada pembentukan pakatan empat penjuru antara AS, Jepun, Australia dan India.

6. **Malaysia juga mengalu-alukan Strategi Indo-Pasifik** serta inisiatif-inisiatifnya. Malaysia juga berkongsi pandangan yang sama dengan negara-negara anggota ASEAN berhubung strategi tersebut. Secara kolektifnya, **ASEAN menyambut baik strategi tersebut**. Menerusi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34, yang diadakan di Bangkok, Thailand pada 22-23 Jun 2019, ASEAN telah menerbitkan "**ASEAN Outlook on the Indo-Pacific**". Dokumen ini menggariskan pendekatan ASEAN kepada isu-isu di rantau Indo-Pasifik dan menggalakkan kerjasama lebih erat dalam bidang maritim, kesalinghubungan, Matlamat Pembangunan Mampan PBB 2030, dan kerjasama ekonomi serta bidang-bidang lain.

### **Kebaikan Kerjasama BRI dan Indo-Pasifik**

7. Kewujudan kerjasama BRI dan Indo-Pasifik memberikan manfaat kepada Malaysia dan ASEAN dari segi ekonomi, politik dan pembangunan serantau.

8. Kedua-dua inisiatif ini dapat merangsang **pertumbuhan ekonomi** negara-negara terlibat dengan memperkenalkan inisiatif-inisiatif **perdagangan dan pelaburan** yang positif. Misalnya:

- (i) RRC menganjurkan Ekspo Import Antrabangsa RRC (CIIE) di Shanghai pada bulan November 2018 dan 2019 dengan tujuan untuk menjana peluang import baharu daripada negara-negara BRI. Penyertaan Malaysia dalam CIIE dijangka dapat memperluas eksport produk dan perkhidmatan tempatan ke RRC serta negara-negara BRI yang lain; dan

- (ii) Pada bulan Julai 2018, Kerajaan AS telah mengumumkan inisiatif-inisiatif baharu untuk memperkembangkan pelaburan awam dan swasta dari AS ke Indo-Pasifik dalam bidang infrastruktur, tenaga dan ekonomi digital.

9. BRI dan Strategi Indo-Pasifik turut menekankan peningkatan **kesalinghubungan** serantau. Pelaburan dalam pembinaan infrastruktur seperti jalanraya, laluan rel dan pelabuhan mampu mengurangkan kos logistik dan masa penghantaran (*shipment time*). Hal ini dapat meningkatkan daya saing produk-produk tempatan dan meransang peningkatan aktiviti perdagangan global. Manakala infrastruktur seperti penjana tenaga berperanan penting untuk menyokong pembangunan industri yang lebih pesat dan mampan (*sustainable*).
10. Persaingan **antara AS dan RRC** dalam usaha mengembangkan inisiatif masing-masing, secara tidak langsung dapat menyumbang kepada **penambahbaikan amalan perdagangan dan pelaburan** serantau, contohnya, dengan peningkatan ketelusan dalam perjanjian kerjasama. Persaingan ini juga dapat meletakkan negara-negara terlibat termasuk Malaysia di kedudukan yang lebih baik untuk **merundingkan tawaran atau pakej yang lebih kompetitif**.
11. Pelaksanaan BRI dan Strategi Indo-Pasifik juga dilihat dapat **mengimbangkan pengaruh politik** RRC dan AS di kalangan negara-negara di rantau ASEAN. Ini kerana, projek pelaburan dari kedua-dua negara tersebut dijangka akan terus meningkat di negara-negara ASEAN pada masa akan datang. Secara tidak langsung, keselamatan dan kedaulatan negara-negara serantau akan terus terpelihara dan dikekalkan.

**Pendirian dan Pendekatan Kerajaan Malaysia**

12. Malaysia mengambil pendirian yang **neutral** tanpa memihak kepada mana-mana pihak dalam konteks geopolitik dan kerjasama ekonomi. Malaysia akan terus bersikap **terbuka dan pragmatik** dalam menjalinkan hubungan **kerjasama perdagangan dan ekonomi** dengan negara-negara asing.
13. Selaras dengan perkembangan BRI dan Strategi Indo-Pasifik yang kian rancak, Kementerian ini berpendapat bahawa Malaysia seharusnya **menggunakan kerjasama sedia ada ini untuk meneroka** peluang-peluang baharu bagi meningkatkan pelaburan dan perdagangan negara. Dalam hal ini, Kementerian ini akan terus mengutarakan kelainan **(differentiation)** negara dan meletakkan **(positioning) kelebihan Malaysia** dari negara anggota ASEAN yang lain agar dapat menarik pelaburan berkualiti dan mewujudkan kerjasama ekonomi yang sejajar dengan matlamat dan agenda ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.